

22/07/2001

PM cabar Pas perincikan negara Islam

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mencabar Pas supaya memperincikan secara bertulis rancangannya membentuk negara Islam yang dicita-citakan agar semua rakyat dapat memahami dan menilainya.

"Saya minta mereka terangkan dalam tulisan. Apa penilaian mereka mengenai negara Islam...mereka (Pas) patut tuliskannya dalam bahasa Cina, India supaya semua orang memahami, bukan kepada orang Melayu saja," katanya selepas merasmikan Pelancaran Proton Juara - kenderaan edisi terbaru Proton, di Kuala Lumpur City Centre, di sini semalam.

Dr Mahathir diminta mengulas mengenai cita-cita pemimpin Pas untuk menubuhkan kerajaan negara Islam apabila mereka memerintah negara kelak.

Impian Pas itu bagaimanapun menimbulkan kesangsian DAP - salah satu parti gabungan dalam barisan alternatif.

Menurut Dr Mahathir, Malaysia sememangnya negara Islam dan menganggotai Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) serta diiktiraf oleh negara Islam lain di dunia.

"Kita menganggotai OIC dan kita diiktiraf kebanyakan negara Islam negara ini sebagai model negara Islam," katanya.

Perdana Menteri turut menjelaskan, sebagai negara Islam, ia tidak dipunyai secara eksklusif oleh masyarakat Islam saja, tetapi semua kaum dan bangsa boleh tinggal bersama.

Katanya, apa yang kerajaan lakukan sekarang adalah sama dengan pentadbir negara Islam lain dengan memberi layanan adil dan saksama terhadap semua rakyat.

Ditanya mengapa Umno tidak mengambil tindakan balas untuk menjelaskan kekeliruan kaum lain membabitkan isu itu, Perdana Menteri, berkata: "Kita tidak boleh balas perkara yang kita tidak tahu. Mereka cakap mengenai negara Islam. Sepanjang yang kita maklum, Malaysia sudah menjadi negara Islam."

Katanya, kaum lain boleh berasa bimbang dengan cita-cita Pas itu kerana ia tidak diterangkan dengan terperinci.

"Mereka boleh bimbang kepada perkara yang mereka tak tahu, jadi tolong tanya Pas apa jenis dan versi negara Islam yang mereka mahu itu.

"Mereka kata Umno tidak Islamik kerana kita ada mahkamah sivil, kita tidak ada hanya mahkamah syariah saja.

"Jadi tolong tulis ini, negara Islam yang dicita-citakan Pas itu tiada mahkamah sivil, hanya ada mahkamah syariah saja. Jadi tolong jelas dengan betul-betul. Pada masa ini mereka kata tunggu sehingga menang, kemudian barulah beritahu," katanya.

Menjawab soalan, Dr Mahathir berkata manifesto Pas di Kelantan dan Terengganu yang ada menerangkan mengenai asas negara Islam tidak mencukupi kerana Malaysia merangkumi pelbagai kaum.

"Itu tidak cukup, itu kepada Kelantan dan Terengganu saja kerana Kelantan dan Terengganu kebanyakan penduduknya orang Melayu. Jadi kita nak lihat apa (penjelasan Pas) untuk seluruh rakyat Malaysia," katanya.

(END)